

**Saya dengar khabar angin tidak ada, setakat ini memang tidak ada. Terlalu banyak cakap-cakap, saya tidak terima apa pun dalam bentuk hitam putih atau call."**

**JOHARI ABDUL**



# Tiada usul undi tak percaya terhadap PM'

**KUALA LUMPUR:** Tiada sebarang usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri setakat ini.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul berkata, meskipun terdapat banyak khabar-angin mengenai perkara itu, namun beliau menjelaskan tiada usul berkaitan undi tidak percaya yang dihantar oleh mana-mana Ahli Parlimen untuk dibentang dalam sesi persidangan Dewan Rakyat akan datang.

"Saya dengar khabar angin tidak ada, setakat ini memang tidak ada. Terlalu banyak cakap-cakap, saya tidak terima apa pun dalam bentuk hitam putih atau *call*.

"Seperti biasa mana-mana usul kena ada hitam putih dan tidak boleh hantar email pada saya," katanya pada sidang akhbar selepas Program Libat Urus Mesyuarat Ketiga sidang Dewan

rakyat bersama Pengamal Media di bangunan Parlimen, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap dalam Himpunan Keadilan Suara Rakyat Suara Keramat: Dari Reformasi ke Malaysia Madani' di Selangor baru-baru ini mencabar pembangkang membawa usul undi tidak percaya kepadanya sebagai Perdana Menteri pada sidang Dewan Rakyat akan datang.

Perkara itu dipercayai diungkapkan sebagai respons selepas Dewan Pemuda Pas membuat usul dalam muktamar parti pada minggu lalu supaya Anwar meletakkan jawatan.

Bagaimanapun, Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man mendakwa Anwar tidak sepatutnya melenting apabila diberi tekanan dan desakan supaya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.